

Nasional



Antara peserta Seminar Pencegahan Kemalangan Dalam Sektor Pembinaan di Kuantan, semalam. (Foto Astrol Awang/BH)

CIDB Pahang anjur seminar cegah nahas

300 peserta diberi kesedaran penting jaga keselamatan di tempat kerja

Oleh Astrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seramai 300 peserta menyertai Seminar Pencegahan Kemalangan Dalam Sektor Pembinaan anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOOSH), di sini semalam.

Pengarah CIDB Pahang, Rozai-

man Hassan, berkata objektif seminar itu lebih kepada memberi kesedaran kepada pekerja dan majikan dalam sektor pembinaan mengenai kepentingan pencegahan kemalangan di tempat kerja.

Katanya, seminar itu juga memberi pengetahuan berkaitan perundangan dan beberapa program baharu dikuatkuasakan jabatan dan agensi kerajaan.

"Antaranya membabitkan Jaba-

tan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan CIDB sendiri.

"Pada seminar hari ini (semalam), peserta turut diberikan taklimat lebih terperinci berkaitan perundangan baharu yang akan diperkenalkan JKKP iaitu peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (OSHCIM).

"CIDB turut menguatkuasakan program Perakuan Pematuhan Standard Bahan Binaan (PPS) bagi memastikan kualiti dan keselamatan bahan binaan yang di-



Haniff (kiri) melakukan gimik perasmian Seminar Pencegahan Kemalangan Dalam Sektor Pembinaan di Kuantan, semalam.

guna pakai dalam industri memenuhi standard," katanya.

Beliau berkata demikian pada Seminar Pencegahan Kemalangan Dalam Sektor Pembinaan yang dirasmikan oleh Setiausaha Eksekutif NIOOSH Malaysia, Mejar (B) Haniff Majidin.

Sementara itu, Pengurus Wilayah NIOOSH Wilayah Pantai Timur, Hisyamuddin Mohamad Rozaiman, berkata CIDB dan NIOOSH komited dalam menyebarkan maklumat dan latihan supaya dapat memberikan sumbangan dalam menurunkan kadar kemalangan pekerjaan di negara ini.

Haniff pula berkata, NIOOSH bangga dengan kehadiran peserta yang turut membabitkan kontraktor berdaftar dan agensi penguatkuasaan.

Katanya, seminar itu memberi pendedahan mengenai pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta peraturan baharu untuk dipatuhi.

"Untuk memastikan industri pembinaan progresif dan berjaya, kita memerlukan tenaga kerja profesional dan mahir serta mempunyai pendedahan dan kecekapan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja," katanya.